



**PEKARANGAN** Masjid Negeri dinaiki air selepas hujan lebat, semalam.

“**D**ulu tak macam ni, sekarang makin teruk,” kata penjawat awam, Mohd Ramzi Ahmad, 28, yang tidak menyangka rumahnya di Air Itam, di sini, ditenggelami air akibat banjir kilat, semalam.

**Mohd Ramzi Ahmad**

Dalam kejadian jam 4 petang, hujan lebat menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Georgetown, Air Itam, Masjid Negeri dan Paya Terubong dinaiki air.

Antara kawasan yang dinaiki air melebihi paras 0.7 meter termasuk Jalan P Ramlee, Jalan Masjid Negeri, Jalan Terengganu, Jalan Vanprak, Lebuhraya Thean Teik, Jalan Singapore dan hadapan Sekolah Han Chiang.

Susulan itu, jalan di kawasan berkenaan ditutup kepada semua kenderaan sehingga air surut.

Tujuh jalan di daerah Timur Laut Pulau Pinang turut ditutup sementara berikutan banjir dan tanah runtuh.

Sementara itu, jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Perak berkata, tiada mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan.

“Kami membuka pusat pemindahan, namun sehingga kini tiada penduduk dipindahkan.

“Sekiranya keadaan bertambah teruk, kami akan memindahkan penduduk yang terjejas,” katanya.

Tinjauan Harian Metro di kawasan Paya Terubong mendapati terdapat tanah runtuh, namun tidak menjejaskan aliran trafik.

PEKARANGAN Masjid Negeri dinaiki air selepas hujan lebat, semalam.

metro Aha-d  
30/10/16  
MIS 4

# MAKIN TERUK!

■ Beberapa kawasan di Georgetown, Air Itam, Masjid Negeri, Paya Terubong dinaiki air akibat banjir kilat



KEADAAN banjir kilat di sekitar Air Itam, semalam.



PENUNGGANG menolak motosikal di Georgetown.



DUA lelaki meredah banjir sekitar Georgetown.



ANGGOTA bomba dan penyelamat meredah air di Air Itam.